

# Perdana Menteri yakin BN menang pilihan raya Batu Talam

PUTRAJAYA 8 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) akan memperoleh kemenangan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam pada 28 Januari ini, walaupun pembangkang memanipulasi isu kenaikan tol dan harga minyak.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan mempunyai alasan yang kukuh terhadap keputusan menaikkan kadar tol dan harga minyak baru-baru ini.

"Insya-Allah kita boleh menang. Kita naikkan tol bukan kerana nak seronok naik, nak cari duit tambah tapi ada sebabnya dan sebab itu telah pun diterangkan.

"Kerajaan tidak melakukan sesuatu tanpa ada sebab, sebabnya kerana kerajaan

bertanggungjawab, bukan nak mencari populariti. Kalau kerajaan mencari populariti, maka kita buat apa sahaja orang nak buat," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau mengulas peluang BN pada pilihan raya kecil kerusi DUN Batu Talam berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lalu kerana barah paru-paru dan usus.

Pada pilihan raya umum 2004, Tengku Paris memperoleh 5,414 undi menewaskan calon Pas, Dr. Mohamed Nilam Abdul Manap yang meraih 2,653 undi. Tengku Paris mendapat kelebihan 2,761 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 16 Januari ini sebagai hari penama-

an calon dan pengundian akan berlangsung pada 28 Januari sekiranya terdapat pertandingan.

Menurut Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, kerajaan menguruskan negara dengan cara terbaik walaupun ada tindakan yang diambil tidak menyenangkan rakyat.

Beliau bagaimanapun yakin rakyat akhirnya akan melihat kepada kewajaran sesuatu perkara itu.

"Bagi golongan yang nak ambil kesempatan, nak menyusahkan kerajaan, nak mencari rugi dan nak bagi orang benci kerajaan, memanglah tiada apa yang kita buat betul," katanya.

Ditanya mengenai senarai calon untuk pilihan raya kecil itu, Abdullah memberitahu

beliau belum menerimanya lagi.

Mengulas kenyataan pemimpin Pas sebelum ini bahawa pilihan raya kecil itu akan menjadi medan untuk parti berkenaan memanas badan, beliau berkata:

"Tak apa la, pemanas ke tak pemanas ke kita nak menang, kita akan menang."

Mengenai cadangan penggabungan Utusan Melayu (M) Bhd. dengan The New Straits Times Bhd., beliau berkata, pada waktu ini tidak ada pendekatan diambil untuk melaksanakan apa jua tindakan penggabungan.

Jelas beliau, perkara itu terserah kepada cadangan balas daripada pihak berkenaan kepada Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Mengenai penggantungan bekas Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Datuk Zaid

Ibrahim yang tamat 1 Januari lalu, Perdana Menteri berkata:

"Dah habis, habislah, kalau dah tamat itu maka ertinya penggantungan tidak ada lagi, maka kita kena maklum kepada dia," katanya.

Mengenai Proton, Abdullah berkata, belum ada keputusan dibuat sama ada Volkswagen AG dari Jerman atau PSA Peugeot dari Perancis akan menjadi rakan kongsi strategik bagi pembuat kereta nasional itu.

Perdana Menteri memberitahu kerajaan akan mengkaji semua cadangan berkaitan dengan rakan kongsi strategik Proton sebelum membuat keputusan yang mengambil kira kepentingan dan masa depan pembuat kereta nasional itu.

Um - 9/1/2007

12